

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2018

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) apakah pencapaian 1MDB dari segi infrastruktur dan pulangan kewangan untuk Malaysia dan sama ada beliau berbangga dengan pencapaian 1MDB dalam membantu Malaysia melangkah ke Wawasan 2020 sebagai negara maju ; dan
- (b) sama ada beliau akan menubuhkan 1MDB baru untuk membantu mencapai TN50.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1MDB telah ditubuhkan untuk, antara lain, menerajui projek

pembangunan strategik Kerajaan bagi mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran domestik serta antarabangsa di samping melabur di dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dan berinovasi. Di antara pelaburan yang telah dijalankan oleh 1MDB adalah seperti berikut:

i. Tun Razak Exchange (TRX)

Direka bentuk bagi memenuhi keperluan masa depan, pembangunan TRX telah dikenal pasti oleh Kerajaan Malaysia sebagai *Early Entry Point* dalam Program Transformasi Ekonomi untuk mencapai lebih dua kali ganda pendapatan per kapita menjelang 2020. Projek yang dianggarkan mempunyai nilai pembangunan kasar atau *gross development value* sebanyak RM40 bilion dan mempunyai jangka masa pembinaan selama 15 tahun ini mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan ia sebuah Bandaraya global.

ii. Bandar Malaysia

Bandar Malaysia merupakan projek pembangunan semula lapangan terbang lama Sungai Besi. Projek pembangunan urban bersaiz 486 ekar ini bakal mengukuhkan kedudukan Kuala Lumpur di arena global bagi menarik pelabur-pelabur dan syarikat-syarikat antarabangsa. Projek ini bakal memulakan pembinaan sebaik proses pemindahan Pangkalan Udara Kuala Lumpur selesai. Sebahagian dari kawasan projek ini turut diperuntukkan bagi Projek Perumahan Mampu Milik.

iii. Sektor Tenaga

Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB. 1MDB sebenarnya memainkan peranan penting dalam menyelesaikan perjanjian kuasa berat sebelah yang telah dimeterai sebelum ini. 1MDB adalah pembida terendah dalam semua perjanjiannya. Dengan itu, ia dapat menjimatkan Malaysia sebanyak RM200 bilion untuk tempoh 20 tahun akan datang.

1MDB memasuki sektor tenaga melalui anak syarikatnya Edra Energy dan merupakan salah satu pengeluar tenaga bebas antarabangsa yang terkemuka di Asia Tenggara dengan portfolio 13 loji jana kuasa dan penyahgaraman atau *desalination*

(dengan izin) di lima buah negara. Edra Energy merupakan pengeluar tenaga bebas kedua terbesar di Malaysia, dan terbesar di Mesir dan Bangladesh, serta mempunyai operasi di Pakistan dan Emiriah Arab Bersatu. Aset-aset tenaga 1MDB sebelum ini mempunyai kapasiti penjanaan tenaga bersih sebanyak 5594 MW, iaitu kira-kira 3112MW di Malaysia dan 2482MW di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Struktur modal 1MDB bergantung kepada penggunaan hutang untuk membeli dan membangunkan aset, di mana aliran tunai berterusan diperlukan untuk pembayaran faedah dan prinsipal hutang. Isu 1MDB sebenarnya adalah satu isu perniagaan di mana ketidakseimbangan aliran tunai telah timbul apabila pelan pelaksanaan IPO Edra tidak berlangsung seperti yang dirancang. Bagi menangani cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan pelan rasionalisasi terhadap 1MDB.

Menerusi pelan rasionalisasi, 1MDB telah berjaya membawa masuk

dana pelaburan yang signifikan daripada pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa. Antara pencapaian oleh 1MDB adalah:

- i. Penjualan tanah TRX kepada Tabung Haji, Mulia Group (Indonesia), Affin Bank, WCT dan Lend Lease (Australia); dan
- ii. Penjualan 100% kepentingan ekuiti di dalam syarikat Edra pada nilai ekuiti sebanyak RM9.83 bilion dan pemindahan hutang sebanyak RM7.43 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

TRX City Sdn Bhd (TRXC) sebagai pemaju induk projek TRX sedang giat membina infrastruktur bagi memastikan ia menyokong matlamat TRX untuk menjadi hab kewangan bertaraf dunia. Buat masa ini, TRX sedang membina sistem terowong sambungan untuk rangkaian jalan raya yang akan menyediakan akses terus kepada lebuh raya utama seperti SMART dan MEX ke pelbagai tempat di dalam pembangunan itu.

Kerja-kerja pembangunan di Lifestyle Quarter, sebuah usahasama di antara Lendlease dan TRXC yang merangkumi sebuah kompleks membeli-belah, sebuah hotel dan beberapa bangunan kediaman, telah pun bermula. Manakala pembinaan Menara Exchange 106, bangunan setinggi 92 tingkat yang bakal menjadi mercu pembangunan TRX, sedang berjalan dengan pesat. Pembinaan bangunan pejabat untuk satu penyewa antarabangsa juga telah bermula, manakala Affin Bank kini di peringkat reka bentuk bagi Ibu Pejabat baru mereka di TRX. Selain daripada Affin Bank, HSBC juga akan melabur lebih RM1 bilion untuk membina ibu pejabat serantau di TRX.

Selaras dengan pelan rasionalisasi 1MDB, 100% kepentingan ekuiti di dalam TRXC telah diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD). Perjanjian jual beli 100% kepentingan ekuiti di dalam TRXC telah ditandatangani pada 6 Jun 2016.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi projek Bandar Malaysia pula, berdasarkan perancangan awal di bawah TRXC, anggaran nilai pembangunan kasar atau GDV projek ini adalah sebanyak RM150 bilion untuk tempoh pembangunan antara

15 hingga 25 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan pencapaian yang telah dinyatakan, adalah jelas bahawa pelan rasionalisasi yang dijalankan oleh 1MDB telah berjaya membawa masuk pelabur-pelabur domestik dan antarabangsa untuk memacu inisiatif projek pembangunan strategik jangka panjang yang akan memanfaatkan ekonomi negara.